

Pembangunan diutamakan untuk faedah rakyat — Syed Nahar

BALING, Selasa — Penduduk daerah ini perlu sentiasa berwaspada terhadap anasir-anasir sub-versif dan anti nasional yang mungkin wujud di sini memandangkan kawasan ini terletak dekat sempadan Malaysia-Thai, kata Menteri Besar, Datuk Seri Syed Nahar Shahabuddin.

Katanya, "Anasir-anasir seumpama ini sentiasa saja menunggu peluang untuk mengocak ketenteraman hidup rakyat kerana mereka tidak pernah bersimpati dengan apa jua rancangan yang dilaksanakan oleh kerajaan."

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis penyampalan subsidi anak-anak ayam

kepada penduduk daerah ini di Sekolah Rendah Pulai di sini, kelmarin.

Datuk Seri Syed Nahar memberitahu, anasir anti nasional sentiasa menafikan segala projek pembangunan semata-mata kerana mereka takut dengan kejayaan projek-projek itu nanti boleh melemahkan pengaruh dan niat buruk mereka terhadap rakyat.

"Kerajaan sentiasa mengambil berat segala masalah rakyat, terutama dalam melaksanakan pembangunan bagi meningkatkan taraf hidup mereka," tegasnya.

Bukti

Datuk Seri Syed Nahar berkata, satu bukti pucuk pimpinan baru di bawah Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed amat mementingkan pembangunan rakyat, khasnya di luar bandar ialah dengan kewujudan semula Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Katanya, dalam Rancangan Malaysia Keempat, kerajaan telah menyediakan \$14 juta di mana \$11 juta darinya dikeluarkan oleh kerajaan pusat dan selebihnya oleh kerajaan negeri untuk melaksanakan projek-projek di bidang ternakan.

Sejumlah \$218,000 telah disediakan untuk 5,000 keluarga bagi melaksanakan projek-projek ternakan di daerah ini, katanya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia